



## Telus Melaksanakan Pemerintahan

**A**ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.  
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Beta bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah menganugerahi limpah rahmat dan rahim-Nya kepada Beta dan keluarga Beta selama ini, serta mengizinkan penyempurnaan Istiadat Pertabalan Beta menurut adat kebesaran Negeri Perak Darul Ridzuan yang dipusakai zaman-berzaman. Selanjutnya Beta dengan perasaan tawaduk memanjatkan doa kepada-Nya, Rabbul-'arsyil-a'zim, agar sentiasa meredai serta melindungi pemerintahan Beta demi kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat dan negeri ini buat selama-lamanya.

Beta juga ingin merakamkan terima kasih dan rasa terharu Beta terhadap kata-kata nasihat dan sanjungan yang terkandung dalam

---

Titah Ucapan sempena Istiadat Pertabalan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, 9hb. Disember 1985.



ucapan-ucapan tahniah yang telah disampaikan oleh Paduka Anakanda Beta, Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak bagi pihak Raja-Raja dan Orang-Orang Besar Negeri dan Mamanda Beta, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi pihak Kerajaan Negeri dan rakyat Beta yang dikasihi.

**“Segala puji-pujian yang telah diwasilkan kepada Beta dalam ucapan-ucapan tahniah itu lebih menyedarkan Beta terhadap kebesaran dan kekuasaan Tuhan seru sekalian alam kerana dengan kehendak-Nya sahajalah, Beta dianugerahi ketinggian darjat sebagai Sultan, Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan.”**

Segala puji-pujian yang telah diwasilkan kepada Beta dalam ucapan-ucapan tahniah itu lebih menyedarkan Beta terhadap kebesaran dan kekuasaan Tuhan seru sekalian alam kerana dengan kehendak-Nya sahajalah, Beta dianugerahi ketinggian darjat sebagai Sultan, Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan dengan segala jajahan takluknya. Beta menginsafi bahawa segala milik, hak, kuasa dan kebebasan Beta sebagai Raja Pemerintah yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perak, sebenarnya merupakan suatu amanah dan tanggungjawab kepada Beta dan Takhta Kerajaan Negeri. Oleh itu, Beta sangat berkehendakkan taufik dan hidayah daripada Allah s.w.t. serta juga mengharapkan kerjasama daripada Raja-Raja, Orang-Orang Besar Negeri, kerajaan dan rakyat jelata sekalian supaya dapat membantu Beta menunaikan tugas dan tanggungjawab Beta dengan sempurna mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

Beta juga berikrar, insya-Allah, akan menggunakan sebaik-baik pertimbangan dan budi bicara Beta semasa menjalankan pemerintahan negeri, terutama dalam mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan



rakyat supaya kestabilan sosial sentiasa wujud, untuk membolehkan segenap lapisan rakyat Beta yang dikasihi dan generasi akan datang dapat menikmati kemajuan dalam pelbagai bidang. Untuk maksud itu, Beta amat berharap bahawa segala pengalaman, pendedahan dan pengetahuan yang terkumpul pada diri Beta selama ini akan memberi faedah kepada Beta khususnya, dan Kerajaan Negeri amnya, untuk menghadapi dan mengatasi sebarang masalah serta kesukaran yang ditemui kelak.

Kepada mereka yang mempunyai kesempatan atau peranan untuk menasihati atau memberi buah fikiran kepada Beta, Beta ingin berseru agar nasihat yang diberi kelak adalah yang sahih dan berasaskan kepada pemikiran yang logik, matang dan berdasarkan kepentingan rakyat dan negeri.

Dengan harapan semoga raja dan rakyat akan melaksanakan peranan masing-masing sejajar dengan kehendak negeri dan negara. Dengan niat serta doa semoga Allah Yang Maha Berkuasa akan merestui segala tindakan dan amalan kita untuk menjadikan negeri Perak aman makmur, bahagia dan sentosa selalu.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.